

**LEAPTEC – DESAN METERAI PERJANJIAN KERJASAMA
UNTUK BANGUNKAN PERNIAGAAN
PERKAPALAN BERNILAI LEBIH RM2 BILION**

Pembangunan di atas tanah seluas 1,200 ekar di Tanjung Bruas, Melaka

Petaling Jaya, 14 April 2023 – Leaptec Engineering Sdn Bhd (“Leaptec”), syarikat subsidiari LBS Bina Group Berhad (“LBS”), hari ini telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (“MOU”) dengan Desan Deniz Ins. San. A.S. (“Desan”), syarikat perniagaan perkapalan terkemuka yang berpangkalan di Istanbul, Turki.

Menerusi perjanjian tersebut, kedua-dua pihak menyasarkan untuk bekerjasama bagi meneroka potensi pelaksanaan pembinaan dan pembangunan perniagaan limbungan pembaikan kapal serta pembinaan kapal dalam tiga fasa dengan anggaran nilai projek melebihi RM2 bilion di Tanjung Bruas, Melaka. Leaptec dan Desan juga akan meneroka pelbagai peluang kerjasama, antara lain, sokongan pihak berkaitan, subsidi serta kewangan jangka panjang yang kukuh.

Perjanjian tersebut akan berkuatkuasa pada 13 April 2023 selama dua belas (12) bulan, melainkan perjanjian tersebut diperbaharui dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Majlis menandatangani MOU ini telah diadakan di ibu pejabat Desan, Istanbul, Turki. Pengarah Urusan Kumpulan LBS dan Leaptec, Datuk Wira Joey Lim Hock Guan telah menandatangani perjanjian bagi pihak Leaptec, manakala Desan diwakili oleh Pengerusi, Cenk İsmail Kaptanoğlu. Majlis bersejarah tersebut turut disaksikan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Konsul Jeneral Malaysia di Istanbul, YM Tengku Mohd Dzaraif Raja Abdul Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Leaptec, Datuk Mohd Anis Hisham Bin Abd Aziz, dan Mantan Presiden BIMCO dan

Ahli Lembaga Limbungan Kapal Desan, Dr Şadan Kaptanođlu serta Hasan Özgür Çilli, Naib Pengerusi Limbungan Kapal Desan.

Ditubuhkan pada 1970, Desan merupakan penyedia solusi limbungan kapal Turki terkenal yang terlibat dalam perniagaan pembinaan dan pembangunan limbungan, pembinaan, penyelenggaraan, serta pembaikan kapal, serta aktiviti – aktiviti berkaitan perkapalan. Di bawah pimpinan generasi ketiga keluarga perkapalan Kaptanoglu, Desan telah mengembangkan empayar perniagaan pembaikan kapal, dan pembinaan kapal yang meliputi perniagaan luar pesisir, kapal tentera laut, semua jenis kapal tangki, pengangkut pukal, bot tunda dan kapal layar.

Pada tahun 2021, Leaptec telah menandatangani perjanjian reklamasi dan pembangunan dengan kerajaan negeri Melaka untuk membangunkan tanah seluas 1,200 ekar yang merupakan sebahagian daripada koridor ekonomi pesisir laut berimpak tinggi (M-WEZ) meliputi 25,000 ekar di sepanjang pantai negeri Melaka.

Pengerusi Eksekutif LBS dan Leaptec, Tan Sri Lim Hock San berkata, “Ini merupakan kolaborasi sulung bersama sebuah syarikat terkemuka Turki di dalam bidang perkapalan, Desan. Kami turut mempertimbangkan pelbagai rakan kongsi untuk bekerjasama dalam membangunkan projek penambakan Melaka dan berbesar hati untuk bekerjasama dengan Desan. Desan amat sinonim dengan sektor pembinaan perniagaan limbungan, pembinaan dan pembaikan kapal, penyelenggaraan, pemodenan, penukaran dan pengubahsuaian semua jenis kapal komersial serta kapal tentera laut. Justeru, kami optimis bahawa perjanjian perniagaan ini akan menjadi perintis ke arah memakmurkan lagi pertumbuhan industri yang sesuai untuk projek kami di Melaka.

-Tamat-